



KPDNHEP P.Pinang keluarkan 32 kompaun bernilai RM22,900 sepanjang PKP

16/06/2020 05:45 PM

BUKIT MERTA JAM, 16 Jun -- Sebanyak 32 kompaun bernilai RM22,900 dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu dari 18 Mac hingga 13 Jun.

Pengarah KPDNHEP negeri Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata sejumlah 5,504 pelbagai premis termasuk pemborong, pengilang, farmasi, pasar raya, kedai runcit dan pasar awam diperiksa pihaknya setiap hari sepanjang tempoh itu.

"Bagi kes kompaun, sebanyak 19 kes adalah membabitkan kesalahan gagal mematuhi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, sembilan kes pula menurut Akta Timbang Sukat, Akta Perlindungan Pengguna (1 kes) dan akta lain sebanyak tiga kes.

"Sepanjang tempoh yang sama, kami menerima sebanyak 291 aduan membabit kes harga iaitu 120 aduan, dalam talian (102), perlindungan pengguna (20), bekalan (17) dan yang selebihnya adalah aduan-aduan lain," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemeriksaan berkaitan pematuhan prosedur operasi standard

(SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Tesco Alma di sini hari ini. Beliau berkata KPDNHEP Pulau Pinang turut menubuhkan pasukan Pemeriksaan Khas Pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan PKPP bagi menjalankan pemeriksaan khas harian serta operasi bersepadu dalam memastikan penjual mematuhi SOP yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Tindakan pemeriksaan khas oleh KPDNHEP menfokus kepada beberapa sektor utama antara makanan, peruncitan serta e-dagang, dan sejak 13 Mei hingga 13 Jun sebanyak 3,176 premis diperiksa dengan 3,086 patuh pada SOP, nasihat (78) serta amaran 12 kes. Secara keseluruhan pematuhan SOP peniaga di negeri ini adalah amat baik," katanya.

Pemeriksaan di 34 premis dandanan dan gunting rambut di seluruh negeri itu mendapati 15 daripadanya menaikkan harga perkhidmatan antara RM1 hingga RM3 susulan peningkatan kos operasi yang terpaksa ditanggung seperti sarung tangan dan apron yang disyaratkan MKN.

-- BERNAMA

https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1851788

